



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

"PENDIDIKAN BERKUALITI, SEKOLAH UNGGUL, MURID HOLISTIK"

Ruj.Kami : JPNPk.SPM.KOKU.600-1/1 Jld.2 (64)
Tarikh : 28 Julai 2025

**St John Ambulans Malaysia
Perak Darul Ridzuan
134, Jalan Raja Muda Aziz
30300 Ipoh, Perak**

Tuan,

PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PENGLIBATAN MURID BAGI PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS; PERAWATAN RUMAH DAN KAWAD KAKI TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk. Surat daripada penganjur SJAMKTP / SU /(25-048) bertarikh 20 Mei 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Perak telah menerima dan meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang dianjurkan.

3. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Penglibatan I / Pencapaian Peringkat Negeri**. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan penglibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada sekolah yang terlibat. Jadual pemarkahan seperti di lampiran.

4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Mohd Mokhtar bin Shaari Penolong Pengarah UPBM (Kokurikulum) JPN Perak di talian 019-5595892.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJAH FADHILAH BINTI HAWARY)

Timbalan Pengarah
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak

s.k. 1. Pejabat Pendidikan Daerah Seluruh Negeri Perak

"PERAK SEJAHTERA 2030"

**JADUAL PEMARKAHAN KOKURIKULUM
PENGLIBATAN DAN PENCAPAIAN MURID DALAM
PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK)**

JENIS PELIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
Pelibatan I	<ul style="list-style-type: none"> i. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan. ii. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung.
Pelibatan II	<ul style="list-style-type: none"> i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus/ karnival secara bersemuka atau dalam talian dan tiada pemeringkatan. ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan. iii. Peserta lawatan luar negara
Pelibatan III	<ul style="list-style-type: none"> i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program/ aktiviti yang tiada interaksi peserta secara langsung. ii. Pelibatan murid sebagai penyokong atau penonton

SKOR PELIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Pelibatan I	Pelibatan II	Pelibatan III
Negeri	14	10	6
Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERINGKAT	SKOR				
		Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
Tahap Pencapaian	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4

Rujukan:

Garis Panduan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan Dan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia